



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / UKK - SM / 04

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Letters to Editor
News Straits Times

City Hall should ease plight of tenants

Kami merujuk kepada artikel tersebut oleh James Gonzales, Kuala Lumpur bertarikh 2 November 2009 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Dimaklumkan bahawa Rumah-rumah PPR MTEN dengan keluasan 650 kakipersegi, 3 bilik tidur akan dijual pada harga RM35,000 seunit.

Kos-kos lain yang perlu ditanggung oleh pembeli dianggarkan berjumlah RM5,922. Kos ini bukanlah deposit pembelian sebaliknya adalah kos yuran guaman, kos semasa membuat pinjaman, bayaran permohonan hakmilik strata, bayaran pindah milik, bayaran deposit utiliti dan yuran penyelenggaraan.

Bayaran ini boleh dibayar secara tunai atau dipohon bersekali dengan pinjaman (bagi yang layak). Walaubagaimanapun, bagi pembeli yang membayar secara tunai, jumlah kos-kos lain yang perlu ditanggung dianggarkan berjumlah 2,760 sahaja kerana kos membuat pinjaman tidak perlu dijelaskan.

Bayaran sewa RM124 perlu dijelaskan oleh penyewa sehinggalah bayaran harga rumah dijelaskan sepenuhnya kepada DBKL. Tiada skim sewa beli dalam proses penjualan ini.

Sekian.

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
4 November 2009
16 Zulkaedah 1430H